

Mendaftar di sekolah rendah untuk tahun 2027

Foundation (juga dikenali sebagai Prep) ialah tahun pertama sekolah rendah di Victoria.

Anak anda boleh mula bersekolah jika mencapai umur 5 tahun sebelum 30 April 2027. Sekolah adalah wajib apabila anak anda mencapai umur 6 tahun.

Bilakah saya boleh memohon?

Permohonan untuk mendaftar di sekolah rendah kerajaan Victoria untuk tahun 2027:

- Dibuka mulai **Isnin 20 April 2026**
- Sehingga **Jumaat 31 Julai 2026**.

Apakah hak pendaftaran anak saya?

Di Victoria, anak anda berhak menghadiri 'local school', iaitu sekolah tempatan yang ditetapkan di kawasan anda, sejajar dengan *Education and Training Reform Act 2006*. Sekolah tempatan anda ditentukan oleh zon sekolah untuk alamat kediaman tetap anda. Untuk mengetahui lebih lanjut cara keputusan pendaftaran dibuat, lawati [Mendaftar di sekolah](#).

Bagaimana saya patut daftarkan anak saya untuk tahun pertama sekolah rendah?

Berikut ialah cara mendaftarkan anak anda untuk tahun pertama sekolah rendah:

- 1. Cari 'local school' (sekolah tempatan) anda**
Lawati www.findmyschool.vic.gov.au untuk mencari sekolah rendah kerajaan tempatan anda atau sekolah berdekatan.
- 2. Hubungi pihak sekolah**
Hubungi sekolah rendah untuk menempah lawatan (tidak dimestikan). Periksa sama ada sekolah itu menggunakan proses pendaftaran dalam talian (VicStudents) atau borang kertas. Maklumat ini boleh didapati melalui laman web sekolah.
- 3. Muat turun pek penerangan**
Muat turun pek penerangan pendaftaran Foundation (Prep) daripada halaman [Mendaftar untuk Foundation \(Prep\)](#). Pek ini akan tersedia selewatnya hari Khamis 2 April 2026.
- 4. Kemukakan permohonan pendaftaran anda**
Kemukakan permohonan pendaftaran **selewatnya hari Jumaat 31 Julai 2026** sama ada dalam talian (VicStudents) atau menggunakan borang kertas seperti yang diterangkan di laman web sekolah.
- 5. Terima keputusan**
Anda akan diberitahu keputusan permohonan pendaftaran **antara hari Isnin 3 Ogos dengan Jumaat 14 Ogos 2026**. Jika mendapat tawaran, anda mesti menyatakan setuju tawaran tersebut **selewatnya hari Jumaat 28 Ogos 2026**.
- 6. Bersiap sedialah untuk peralihan anak anda ke sekolah**
Sertai sesi peralihan murid semasa Penggal 4, 2026. Anak anda akan memulakan Foundation dari **hari Khamis 28 Januari 2027**.

Bagaimana mencari 'local school' (sekolah tempatan) saya?

Carilah sekolah tempatan anda di laman [Find my School](#) mengikut langkah-langkah berikut:

1. Masukkan www.findmyschool.vic.gov.au dalam browser anda.
2. Untuk 'Enter your address to get started', masukkan alamat rumah anda yang tetap.
3. Untuk 'Enrolment year', pilih 2027. **Zon sekolah untuk 2027** akan tersedia **selewatnya hari Khamis 2 April 2026**.
4. Untuk 'School type', pilih Primary.

Peta akan menunjukkan alamat anda dan sekolah tempatan anda. Butir-butir kontak sekolah tertera di sebelah kiri. Jika anda skrol ke bawah, peta juga menunjukkan lima sekolah yang paling dekat dengan alamat anda. Anda juga dapat mencari nama sekolah di bawah 'Search for school'.



Bagaimana jika permohonan pendaftaran saya tidak berjaya?

Jika permohonan tidak berjaya, anda boleh:

- **Mohon** kepada sekolah lain. Anak anda dijamin mendapat tempat di sekolah tempatannya. Layari [Find my School](#) untuk mencari sekolah tempatan anak anda.
- Buat rayuan terhadap keputusan itu. Halaman [Mendaftar untuk kelas Foundation \(Prep\)](#) juga ada penerangan tentang proses merayu keputusan permohonan pendaftaran.

Apakah yang terjadi jika saya terlepas jangka masa pendaftaran?

Anda boleh memohon mendaftarkan anak anda untuk kelas Foundation tahun persekolahan 2027 pada bila-bila masa mulai **Isnin 20 April 2026**.

Walaupun anda diminta mengemukakan permohonan pendaftaran **selewatnya hari Jumaat 31 Julai 2026**, permohonan lewat masih diterima bagi keluarga yang mungkin terlepas tempoh pendaftaran, berpindah kediaman tetap atau baru tiba di Victoria.

Permohonan pendaftaran **yang dikemukakan selepas 31 Julai 2026** akan diuruskan oleh pihak sekolah rendah **apabila diterima**, selaras dengan Dasar Pendaftaran jabatan.

Di manakah boleh saya dapatkan penerangan lanjut tentang pendaftaran sekolah rendah?

Sekolah rendah tempatan dapat memberi penerangan lanjut tentang proses pendaftaran kelas Foundation.

Mulai **Isnin 20 April 2026** anda juga boleh mendapatkan pek penerangan proses pendaftaran Foundation di halaman [Mendaftar untuk kelas Foundation \(Prep\)](#).

Jika perlukan terjemahan pek penerangan, sila minta bantuan sekolah rendah tempatan anda.

Siapakah yang saya patut hubungi untuk meminta bantuan?

Jika ada soalan tentang proses pendaftaran, minta bantuan Transition Coordinator (Penyelaras Peralihan), Enrolment Officer (Pegawai Pendaftaran), atau Pengetua sekolah rendah di tempat anda memohon.

Pautan berguna

Beberapa pautan berikut mungkin berguna apabila anak anda memulai sekolah rendah:

Find my School (Cari Sekolah Saya) – findmyschool.vic.gov.au

Penerangan tentang zon sekolah – vic.gov.au/school-zones

Mendaftar untuk kelas Foundation (Prep) – vic.gov.au/enrolling-foundation-prep

Mendaftar di sekolah – vic.gov.au/how-choose-school-and-enrol

Pendidikan kurang upaya dan terangkum – vic.gov.au/disability-and-inclusive-education

Kontak pejabat serantau – vic.gov.au/office-locations-department-education

Garis masa pendaftaran Foundation (Prep) tahun 2027

Tarikh penting 2026	Apakah yang perlu dilakukan oleh ibu bapa/pengasuh?
Penggal 1	Selasa 27 Januari (murid bermula pada 28 Januari) – Khamis 2 April 2026
Penggal 1 dan 2, 2026	Ikuti lawatan sekolah yang dianjurkan oleh sekolah rendah (<i>tidak dimestikan</i>).
Selewatnya hari Khamis 2 April 2026	Zon sekolah bagi sesi persekolahan tahun 2027 disediakan. Anda boleh mencari sekolah tempatan anda di www.findmyschool.vic.gov.au.
Penggal 2	Isnin 20 April – Jumaat 26 Jun 2026
Mulai Isnin 20 April 2026	- Pada permulaan Penggal 2, lengkapkan dan kemukakan permohonan anak anda – sama ada dalam talian atau menggunakan Borang Permohonan dalam Pek Penerangan Pendaftaran, seperti yang dinyatakan pihak sekolah. - Anda boleh memuat turun Pek Penerangan Pendaftaran daripada Mendaftar untuk Foundation (Prep) bagi perincian lanjut.
Penggal 3	Isnin 13 Julai – Jumaat 18 September 2026
Selewatnya hari Jumaat 31 Julai 2026	Kemukakan permohonan yang telah lengkap kepada sekolah rendah selewatnya pada tarikh ini.
Antara Isnin 3 Ogos dengan Jumaat 14 Ogos 2026	Sekolah rendah akan memberitahu anda keputusan pendaftaran secara bertulis dalam tempoh ini. - Sekiranya permohonan anda tidak berjaya, anda boleh mengemukakan rayuan kepada sekolah rendah berkenaan.
Selewatnya hari Jumaat 28 Ogos 2026	Sahkan yang anda bersetuju dengan tawaran tempat anak anda dengan melengkapkan Borang Pendaftaran yang disertakan bersama tawaran pendaftaran. - Sekiranya ingin membuat rayuan, kemukakan rayuan bertulis kepada sekolah rendah selewatnya hari Jumaat 28 Ogos.
Selewatnya hari Jumaat 11 September 2026	Sekolah rendah akan memaklumkan keputusan rayuan kepada anda secara bertulis.
Selewatnya hari Jumaat 18 September 2026	Sekiranya rayuan kepada sekolah rendah tidak berjaya, anda boleh kemukakan rayuan bertulis kepada Regional Director (Pengarah Wilayah) yang berkaitan.
Penggal 4	Isnin 5 Oktober – Jumaat 18 Disember 2026
Penggal 4, 2026	Hadiri sesi peralihan yang dianjurkan oleh sekolah rendah.
Selewatnya hari Jumaat 6 November 2026	Sekiranya anda telah mengemukakan rayuan kepada Pengarah Wilayah, pihak wilayah akan memaklumkan keputusan secara bertulis selewatnya pada tarikh ini. Hal ini hanya untuk rayuan yang diterima selewatnya pada tarikh penutup, iaitu Jumaat 18 September.